
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**HKN 101 – PUITIKA DAN KONVENSI DALAM
KESUSASTERAAN NUSANTARA**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Baca petikan di bawah dengan cermat:

*Maka kepada masa ketika yang baik malam Ahad bersusun Senin
bekerjalah tiga bulan lamanya:*

*sabung tak berhenti tiga bulan
sabung bertunda bulu ayam
air didih menganak sungai
kerak nasi membusut jantan
terung berbuah di gelegar
kunyit berhimpang atas para
serai beranak atas dapur*

*... telah mustaid sekaliannya, kepada masa ketika yang baik, saat
sempurna sampai sebulan pula kerjanya, maka baginda laki isteri
pun memberi anakanda memakai seperti mempelai anak raja yang
besar-besar sebagaimana adat resam dahulukala. Maka
berangkatlah ... diiringkan oleh orang besar-besar, rakyat hina dina
sekalian, dengan alat pawai diatur oleh menteri juak-juak
memegang alat-alat kebesaran:*

*tombak bagai bunga lalang
pedang bagai daun nenas
bedil kecil merendang garam
bedil besar sederam-deram
sebelah kanan orang berdirik
sebelah kiri orang menyanyi
sebelah kanan orang memencak
sebelah kiri orang bersilat ...*

(Hikayat Malim Dewa)

Dengan mengambil contoh daripada petikan di atas, bincangkan pengaruh kelisanan dan pemikiran lisan ke atas pengarang dan unsur stilistik teks. Bagaimanakah faktor kelisanan menetapkan konvensi penciptaan karya tersebut?

2. Apakah yang dimaksudkan dengan sastera sebagai seni sosial dalam masyarakat tradisional? Dengan merujuk kepada "perjanjian naratif" di antara khalayak dan pengarang, bincangkan unsur perulangan sebagai teknik bijak untuk pengesahan dan penerimaan karya sastera.
3. Telitikan contoh-contoh berikut:

[i] *Limau purut lebat dipangkal
Sayang selasih condong uratnya
Angin ribut dapat ditangkal
Hati kasih apa ubatnya?*

- [ii] *Syahdan di padang itu rumputnya seperti zamrud warnanya. .. dan ada suatu bukit terlalu elok rupanya, dan airnya pun mengalir daripada pihak bukit itu terlalu sejuk, dan di bawah bukit itu ada beberapa pohon kayu berbagai-bagai rupanya, berbagai-bagai jenis warnanya. Maka didengar oleh Inderaputra bunyinya segala bunyi-bunyian itu seperti orang bernyanyi. Ada yang seperti bersyair dan bermadah dan berpantun. Maka Inderaputra pun berhenti melihat kekayaan Tuhan ...setelah itu demikian maka Inderaputra pun kenyanglah rasanya sebab melihat sekalian itu. Maka ia pun mengucap syukurlah kepada Allah...*

Berdasarkan konsep keindahan yang dikemukakan Muhammad Hj Salleh dan Braginsky, huraikan ciri-ciri keindahan yang terdapat dalam petikan-petikan di atas. Bincangkan manfaat dan bahaya keindahan itu ke atas jiwa khalayak.

4. Apakah yang dimaksudkan dengan “kesedaran diri pengarang Melayu tentang peranan sastera” pada abad ke-17? Bincangkan pengaruh pandang alam Islam terhadap penstrukturan sistem sastera Melayu pada abad tersebut dan kesannya ke atas penggolongan genre sastera Melayu.
5. Huraikan konsep kepengarangan tradisional yang mendasari proses pengkaryaan sastera Melayu. Bincangkan perbezaan dan kaitannya dengan “peranan penceritaan.” Dengan memberi contoh-contoh karya, perlihatkan kedudukan “dalang” dan “dagang” dalam peranan penceritaan tersebut.
6. Hubungkan karya seorang dalang dengan sfera keindahan dalam penggolongan sastera Melayu. Dengan bercontoh perlihatkan ciri-ciri komposisi hiasan yang menteraskan puitika karya seorang dalang.
7. Apakah yang dimaksudkan dengan struktur komposisi teks dalam puitika Melayu? Dengan merujuk kepada karya-karya yang berkaitan, huraikan ciri-ciri struktur komposisi berfokal, berkisar dan berbingkai.